



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S).800-6/2/22 Jld.2 (3)

Tarikh : 27 September 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PINDAAN DASAR MENDUDUKI RUMAH BIASA KERAJAAN

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Perintah Am (PA) 6 Bab E Tahun 1974 menetapkan bahawa seseorang pegawai yang dibenarkan mendiami rumah Kerajaan dikehendaki membayar sewa mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa melainkan jika ia telah dikecualikan mengikut syarat-syarat perkhidmatannya. Kadar sewa ditetapkan melalui Lampiran B dan C, PA Bab E Tahun 1974 serta pindaannya melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1977 (PP 2/1977) yang masih berkuat kuasa sehingga kini.

3. Mulai 1 Januari 1995, Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 telah menetapkan pegawai perkhidmatan awam yang menikmati kemudahan perumahan Kerajaan tidak layak Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan tidak dikenakan sewa. Dalam hal ini,

potongan ITP tersebut dianggap nilai sewa kerana mendiami Rumah Kerajaan. Selanjutnya dasar semasa menetapkan pegawai yang mendiami Rumah Biasa Kerajaan (RBK) dipotong ITP dan Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2015 serta Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019.

4. Bagi menambah baik dan mengemas kini peraturan pegawai yang mendiami RBK, dasar sewa yang ditetapkan melalui PA Bab E Tahun 1974 adalah dimansuhkan dan digantikan dengan Bayaran Menduduki Rumah Kerajaan (BMRK) mengikut kadar dan kaedah yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu potongan ITP dan BISH atau pindaannya dari semasa ke semasa bagi pegawai yang menduduki RBK. Manakala kadar sewa melalui Lampiran C, PA Bab E Tahun 1974 dan PP 2/1977 adalah dibatalkan.


5. Penambahbaikan peraturan ini dilaksanakan melalui MyPPSM SR.3: Kemudahan Perumahan Kerajaan seperti di **Lampiran A** berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)